

Dua negara komited raih dagangan RM133.81b 2027

Putrajaya: Malaysia dan Thailand bersetuju untuk terus memperkasa perdagangan intra-ASEAN dan pelaburan bersama dengan sasaran sebanyak AS\$30 bilion (RM133.81 bilion) menjelang 2027, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, sasaran itu perlu diusahakan bersama kerana kedua-dua negara memiliki potensi ekonomi yang amat besar.

“Kami bersetuju menyokong usaha memperkukuh perdagangan intra-ASEAN dan pelaburan bersama. Menteri Pelaburan dan Perdagangan kedua-dua negara sudah menetapkan sasaran AS\$30 bilion menjelang 2027.

“Sasaran ini nampak sangat bercita-cita tinggi, tetapi memandangkan potensi ekonomi yang besar di Thailand dan Malaysia, ini sesuatu yang perlu diusahakan bersama,” katanya.

Dalam kenyataan bersama yang dikeluarkan selepas me-

syuarat itu, kedua-dua pemimpin bersetuju untuk membangunkan meningkatkan kerjasama dalam industri halal di antara kedua-dua negara mengambil kira ekonomi halal global dijangka mencapai AS\$5 trilion (RM22.31 trilion) menjelang 2030.

Ini termasuk meneruskan promosi eksport bersama untuk barang dan perkhidmatan halal, pertukaran amalan terbaik dan pengetahuan perniagaan, penyelidikan dan pembangunan produk halal serta kerjasama yang lebih aktif membabitkan sektor awam dan swasta di antara Malaysia dan Thailand.

“Malaysia bersedia untuk menyokong pegawai Thailand dalam membangunkan ekosistem halal tempatan dengan menawarkan kursus melalui Program Kerjasama Teknikal Malaysia.

“Inisiatif ini akan memberikan peluang kepada Thailand untuk

memperoleh pandangan mengenai piawaian dan amalan halal sekali gus membantu mengukuhkan sektor halal negara itu,” menurut kenyataan itu.

Dalam pada itu, Anwar dan Paetongtarn turut menyaksikan pertukaran dua memorandum persefahaman (MoU) mengenai kerjasama kebudayaan, seni dan warisan serta MoU mengenai pembangunan industri getah dan kerjasama ekonomi.

Kedua-dua Perdana Menteri menyambut baik perbincangan lanjut pegawai dari kedua-dua negara mengenai skim ‘Enam Negara, Satu Destinasi’, yang dicadangkan oleh Thailand.

Pada masa sama, kedua-dua negara bersetuju untuk meneroka potensi kempen bersama bagi mempromosikan Inisiatif Tahun Melawat Malaysia 2026 dan ‘Amazing Thailand Grand Tourism Year 2025’.